

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN :      BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA        :      YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat manakah ancaman dari individu dan kumpulan tertentu yang cuba menghidupkan semula fahaman dan ideologi komunisme di negara ini dan apakah tindakan Kerajaan termasuk tindakan undang-undang yang telah diambil Kerajaan untuk menyekat dan membanteras kegiatan mereka bagi memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin dan bebas dari fahaman komunis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan yang menjadi teras kepada sistem kerajaan di negara ini. Keutuhan sistem kerajaan tersebut sentiasa dipelihara dan akan dipertahankan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, ideologi komunis adalah dilarang di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang cuba menghidupkan semula fahaman dan ideologi komunis dalam apa bentuk sekalipun sama ada dalam penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak tenteram dalam masyarakat.

Dalam usaha mengekang ideologi komunis atau seumpamanya, pihak keselamatan khususnya PDRM akan terus menjalankan pemantauan yang rapi terhadap pergerakan dan aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan yang ditubuhkan oleh mereka.